

10 AUG 1999

Getah-Subsidi

PEKEBUN KECIL GETAH RAYU PM PERTIMBANGKAN PEMBERIAN SUBSIDI

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan pertimbangan serius cadangan bantuan subsidi sebanyak 50 sen sekilogram getah yang dijual oleh pekebun kecil.

Yang Dipertuanya Datuk Haji Ahmad Arshad berkata permohonan yang dihantar terus kepada Perdana Menteri itu memohon sumber kewangan dari Tabung Bencana Alam dan Majlis Tindakan Negara dikeluarkan bagi membantu meringankan bebanan sara hidup masyarakat pekebun kecil sekarang.

"Bantuan subsidi ini boleh ditarik balik bila harga getah kembali stabil dan pulih," kata beliau pada sidang media di pejabatnya di sini hari ini.

Menurutnya, skim pembelian getah khas sebanyak RM80 juta yang dilancarkan kerajaan pada Mei lalu bagi membeli getah sekerap basah 73 sen sekilogram dan sekerap kering RM1.46 sen sekilogram daripada pekebun kecil tidak memadai kerana harga barangan harian sekarang yang tinggi.

"Sebagai contoh, ayam dijual pada harga RM6.50 sekilogram manakala ikan kembong RM5 hingga RM7 sekilogram oleh peraih-peraih di kampung," katanya.

Beliau mendakwa peniaga-peniaga getah, termasuk ejen peniaga getah Kelas A, membuat potongan yang tinggi dan memberikan harga rendah yang tidak mengikut garisan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Ahmad Arshad berkata, amalan memberi subsidi harga getah pernah dilakukan kerajaan pada 1974 apabila harganya menjunam manakala dalam tahun 20-an pemberian subsidi diamalkan melalui kupon pada setiap ekar kebun getah pekebun kecil.

Amalan ini juga telah dilakukan oleh negara-negara maju iaitu Jepun, Amerika serta Taiwan, katanya.

Katanya lagi, hasil lawatan serta perjumpaan beliau dengan masyarakat pekebun kecil seluruh negara baru-baru ini mendapati rata-ratanya masih miskin dengan pendapatan kira-kira RM200 sebulan.

"Peneroka Felda yang mempunyai anak ramai... setelah ditolak potongan hutang hanya berbaki RM50 sebulan...mereka sangat memerlukan tambahan sara hidup," katanya.

-- BERNAMA

SFI RHM